



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

A Bukan Hanya Untuk Gred



15/07/2026 10:24 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Prof Madya Dr Khairunesa Isa



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Dalam dunia pendidikan, huruf A sering menjadi simbol kejayaan yang dikaitkan dengan pencapaian akademik, usaha dan potensi masa depan pelajar.

Semakin banyak A yang diperoleh, semakin tinggi penghargaan yang diterima. Pelajar berasa bangga, keluarga turut berasa lega, manakala universiti pula melihat pencapaian akademik sebagai salah satu indikator kecemerlangan universiti.

Tidak salah mengejar A. Pelajar yang mencapai keputusan cemerlang wajar dihargai kerana disiplin, kesungguhan dan pengorbanan mereka.

Namun, ketiadaan A pada slip keputusan bukan bermakna seseorang pelajar kehilangan nilai atau peluang untuk terus berkembang.

Dalam keterujaan mengejar gred, kita perlu bertanya adakah kecemerlangan akademik hanya boleh diterjemahkan melalui huruf A semata-mata?

Atau terdapat nilai lain yang lebih besar yang perlu dibawa bersama oleh seorang pelajar?

Persoalan ini sering menjadi perhatian dalam kalangan pensyarah apabila melihat perubahan budaya pembelajaran pelajar hari ini.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Cabarannya bukan kerana pelajar tidak bijak malah, ramai pelajar kini sangat pantas menguasai teknologi, kreatif mencari maklumat dan mampu mencapai keputusan akademik yang tinggi.

Dalam usaha mengejar pencapaian, terdapat kebimbangan bahawa sebahagian pelajar semakin melihat proses pembelajaran hanya melalui ukuran markah.

Selepas musim peperiksaan, para pensyarah bergelut menanda kertas jawapan pelajar. Ada jawapan yang tepat mengikut skema pemarkahan, ada juga yang hampir tepat, namun ini tidak mustahil kerana tahap kefahaman, usaha dan keupayaan berfikir dalam kalangan pelajar adalah berbeza.

Dalam tempoh ini juga, pensyarah sering diujani pertanyaan tentang keputusan peperiksaan seperti "Berapa markah saya dapat?" atau "Bolehkah puan tambah markah saya?" sedangkan soalan seperti, "Di mana kelemahan saya?" atau "Bagaimana saya boleh menjadi lebih baik?" jarang kedengaran.

Lebih membimbangkan apabila terdapat segelintir pelajar yang kurang mengambil berat tentang status penilaian mereka.

Dalam keadaan tertentu, pensyarah sendiri berusaha menjejaki pelajar yang tidak menyemak status markah atau tidak memberi maklum balas terhadap perkara berkaitan akademik.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Usaha ini bukan semata-mata untuk memastikan angka markah lengkap, tetapi kerana pensyarah mengambil berat perkembangan dan perjalanan pembelajaran pelajar.

Namun, kadangkala usaha tersebut tidak disambut dengan penghargaan yang sewajarnya. Perkara asas seperti memberi respons dengan baik, memohon maaf apabila berlaku kesilapan atau mengucapkan terima kasih atas bantuan masih perlu diperkasakan dalam budaya pembelajaran.

Bukankah memberi respons yang baik juga petanda bahawa seseorang pelajar benar-benar menghayati nilai daripada ilmu yang dipelajari?

A untuk semua

Dalam pengalaman ramai pensyarah, perubahan kecil seperti kurang menghargai maklum balas, kurang berkomunikasi secara berhemah, sukar menerima teguran atau kurang komitmen dalam kerja berkumpulan sebenarnya menggambarkan cabaran yang lebih besar dalam pembentukan insan.

Adab dalam pendidikan bukan sekadar memberi salam, mengucapkan terima kasih atau menghormati pensyarah malah ia merangkumi cara seseorang menghargai ilmu, menghormati pandangan orang lain, melaksanakan amanah dan bersedia memperbaiki kelemahan diri.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Pelajar yang mempunyai adab terhadap ilmu tidak belajar hanya kerana peperiksaan tetapi kerana mahu memahami, menyelesaikan masalah dan menggunakan ilmu untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

Di sinilah pentingnya kita melihat semula maksud kecemerlangan di mana universiti bukan sekadar tempat menghasilkan graduan dengan keputusan cemerlang akademik, tetapi ruang membina manusia yang mampu berfikir, berkomunikasi dan bekerjasama.

Kerangka pembelajaran *Bloom* yang digunakan secara meluas dalam pendidikan tinggi menekankan tiga domain utama iaitu kognitif, psikomotor dan afektif.

Ini bermaksud pelajar bukan sahaja perlu menguasai ilmu, malah membina nilai yang baik serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi sebenar.

Prinsip ini selari dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Riwayat Ahmad, Musnad Ahmad, no. 8952) dimana hadis ini mengingatkan bahawa kecemerlangan seseorang bukan hanya diukur melalui apa yang diketahui, tetapi juga melalui akhlak, sikap dan cara ilmu itu diamalkan.

A Dalam Cabaran Dunia Pekerjaan

Laporan Future of Jobs Report 2025 oleh *World Economic Forum* menekankan bahawa peralihan teknologi terutamanya automasi dan *Artificial Intelligence* menyebabkan permintaan terhadap kemahiran insaniah meningkat dengan mendadak berbanding kemahiran teknikal.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, Statistik Graduan Malaysia 2024 menunjukkan kadar pengangguran graduan menurun kepada 3.2 peratus.

Walaupun menggambarkan sesuatu yang positif namun, cabaran graduan bukan hanya mendapatkan pekerjaan, tetapi memastikan mereka memiliki kemahiran yang sesuai dengan kehendak industri.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) pula melihat kebolehpasaran graduan secara lebih luas iaitu bukan sekadar status pekerjaan tetapi turut mengambil kira laluan seperti sambung pengajian dan usaha meningkatkan kemahiran.

Ini menunjukkan bahawa kejayaan graduan tidak boleh diringkaskan kepada satu angka seperti PNGK dan abjad A sahaja, sebaliknya terbina daripada gabungan ilmu, kemahiran dan sikap.

Dunia pekerjaan sebenar menuntut seorang graduan untuk berkomunikasi dengan pelanggan, bekerjasama dengan rakan sekerja, menerima pandangan ketua, mengurus konflik dan membuat keputusan dalam keadaan tidak menentu di mana semua kemahiran ini tidak dapat dibentuk melalui peperiksaan semata-mata.

Walau bagaimanapun, isu ini tidak wajar diletakkan pada bahu pelajar sahaja. Tekanan mengejar gred turut dipengaruhi oleh harapan keluarga, persaingan akademik dan budaya masyarakat yang sering mengaitkan kejayaan dengan keputusan peperiksaan.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : A BUKAN HANYA UNTUK GRED

SUMBER : BERNAMA - 15 JULAI 2026

Tanpa menafikan kepentingan gred A, masyarakat perlu mengubah cara melihat kecemerlangan, dimana pelajar yang mendapat A sememangnya menunjukkan pencapaian membanggakan namun, pelajar yang mempunyai ilmu, integriti, komunikasi yang baik dan keupayaan bekerjasama merupakan aset besar kepada masyarakat.

Institusi pendidikan perlu terus memperkukuh pembangunan kemahiran insaniah melalui pembelajaran berasaskan projek, aktiviti berkumpulan, penglibatan komuniti dan pengalaman kepimpinan.

Penilaian terhadap kemahiran ini juga perlu dilakukan secara seimbang dengan melihat perkembangan individu, bukan hanya pencapaian kumpulan.

Dalam era pendigitalan, usaha memperkasa kompetensi digital pelajar tidak seharusnya menyebabkan aspek kemanusiaan terpinggir kerana nilai seperti empati, tanggungjawab, integriti dan komunikasi perlu terus dipupuk kerana ia tidak terbentuk melalui peperiksaan semata-mata.

Akhirnya, A yang sebenar bukan hanya huruf yang tertera pada slip keputusan.

A juga membawa makna amanah dalam menjalankan tanggungjawab, adab ketika berinteraksi, aspirasi untuk terus berkembang dan keupayaan memberi nilai kepada orang lain.

Kerana masyarakat tidak hanya memerlukan graduan yang mampu memperoleh gred tinggi. Masyarakat memerlukan graduan yang tinggi nilainya.

-- BERNAMA